

Nama: _____


Kelas: _____

Tajuk: Anggun Jahitan Tradisional

Baca petikan teks, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya. Tulis jawapan yang lengkap. Boleh cetak atau salin kertas soalan ini.

Jahitan tulang belut satu seni dalam jahitan. Jahitan ini biasanya terdapat pada leher baju kurung tradisional dan baju Melayu teluk belanga.





Jahitan tulang belut yang cantik dihasilkan secara bertindih-tindih, serong dan meruncing. Masih belum ada tukang jahit yang dapat menjahit tulang belut dengan mesin. Oleh itu, seni jahitan ini begitu berharga dan istimewa sehingga kini. Jahitan tulang belut amat diminati kerana mempunyai nilai tradisi yang tinggi.

1. Apakah baju tradisional yang biasanya dijahit dengan jahitan tulang belut pada leher baju? (1 markah)

2. Pada pendapat kamu, apakah keunikan jahitan tulang belut? (2 markah)

3. Mengapakah seni jahitan tersebut perlu dikekalkan? (2 Markah)
